

Perdana Menteri lawat jenazah ibu Fadhlina

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim semalam meluangkan masa lebih sejam bagi menziarahi Menteri Pendidikan Fadhlina Sidek yang kehilangan ibu beliau, Datin Dr Siti Zalikah Md Nor, yang meninggal dunia pagi semalam.

Anwar yang tiba di Surau Al-Mujahidin, Desa Surada, Bangi pada jam 12.55 tengah hari ditemani isteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Perdana Menteri kemudian menyertai kira-kira 1,000 jemaah menunaikan solat jenazah yang diimamkan anak kelima Allah-yarhamah, iaitu Hazim Faizi Sid-diq.

Yang turut hadir menunaikan solat jenazah ialah Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

Jenazah dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Sungai Ramal Dalam, Kajang.

Pejabat Menteri Pendidikan menerusi hantaran di laman Facebook Fadhlina mengesahkan bahawa Siti Zalikah, 75, meninggal dunia di Hospital Serdang pada jam 9.30 pagi tadi (semalam).

BERNAMA



Anwar menziarahi jenazah Siti Zalikah di Surau Al-Mujahidin, Desa Surada, Bangi, semalam. Turut kelihatan Fadhlina.

(Foto BERNAMA)